

Malaysia Gesa Masyarakat Global Lebih Berdaya Tahan Dalam Memerangi Jenayah Siber
Bernama
7 Ogos, 2012
Daripada Voon Miaw Ping

ST. PETERSBURG (RUSSIA), 7 Ogos (Bernama) -- Malaysia pada Selasa menyeru masyarakat global supaya meningkatkan daya tahan dan memantapkan pelaksanaan program penguatkuasaan undang-undang dalam memerangi jenayah di ruang siber.

Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata penguatkuasaan undang-undang komunikasi teknologi maklumat (ICT) secara bersama oleh masyarakat global perlu bergerak seiring dengan usaha setiap mereka dalam perkara itu.

Katanya Internet memang membawa manfaat serta kemajuan untuk manusia, tetapi ia juga mempunyai kesan negatif.

"Dalam kita begitu menghargai kebebasan yang terdapat dalam dunia siber, pada waktu yang sama, jenayah berkaitan perkara ini juga kelihatan semakin meningkat melalui Internet di seluruh dunia.

"Jadi, apa yang juga amat diperlukan ialah merangka pendekatan dan mekanisme berkesan untuk menguatkuasakan peraturan serta undang-undang dalam rejim Internet. Apa yang bercanggah dengan undang-undang di luar Internet, perlulah juga dianggap bercanggah dengan undang-undang dalam persekitaran ICT," kata Rais ketika berucap pada Mesyuarat Peringkat Menteri Telekomunikasi dan Teknologi Maklumat (Telmin) APEC Ke-9 di sini, pada Selasa.

Beliau berkata bimbingan pelajaran dan sosial perlu dianggap sesuatu yang amat penting.

Mesyuarat dua hari itu dirasmikan Menteri Komunikasi dan Media Massa Rusia Nikolai Nikiforov.

Dalam ucapannya bertajuk "Memantapkan Kegiatan Sosioekonomi Melalui Penggunaan ICT", Rais berkata komunikasi dan ICT kini menjadi pemboleh utama dalam memantapkan pertumbuhan sosioekonomi di Malaysia, terutama sejak dekad lepas.

"Komunikasi dan ICT menghubungkan kami dengan arus utama pembangunan global, yang hari ini menjadi pemangkin terhadap pertumbuhan bagi hampir semua sektor ekonomi kami, seperti yang dapat dilihat melalui hasil yang dijana industri ini iaitu lebih kurang RM48.8 bilion (US\$16.3 bilion) pada 2011," katanya.

Beliau berkata kepentingan sektor itu yang semakin meningkat juga dapat dilihat apabila Komunikasi, Kandungan dan Infrastruktur (CCI) kini dikenal pasti sebagai satu daripada 12 Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi Negara (NKEA) di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang dilaksanakan di Malaysia.

Kata beliau sasaran CCI NKEA ialah menjana RM57.7 bilion (US \$19.3 bilion) melalui pelbagai projek permulaan sebagai Pendapatan Kasar Negara (GNI) menjelang 2020, dan untuk mencapai sasaran itu, kerajaan Malaysia akan melipatgandakan usaha untuk menyediakan kandungan serta perkhidmatan baru yang menarik bagi merangsang permintaan dan membuka peluang dalam sektor lain.

Beliau berkata untuk menyokong permintaan yang meningkat, pelaburan akan disalurkan ke dalam pembangunan aplikasi dan kandungan serta pembinaan infrastruktur yang memberi fokus khusus terhadap kualiti dan kelajuan.

"Sektor utama ekonomi akan diberi kemudahan sepenuhnya daripada segi CCI. Dalam proses ini, kami akan wujudkan 43,162 pekerjaan tambahan, dengan lebih 75 peratus daripadanya melibatkan kemahiran tinggi," kata beliau.

Mengenai sektor pembangunan sosial, Rais berkata Inisiatif Jalur Lebar Kebangsaan (NBI) yang dilancarkan kerajaan pada 2008 membolehkan lebih ramai orang mempunyai capaian terhadap Internet dan ini seterusnya meningkatkan kualiti hidup rakyat.

"Kini, transformasi ekonomi dilaksanakan dalam kalangan masyarakat luar bandar, yang menggunakan ICT untuk meningkatkan taraf sosioekonomi mereka," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=686316>